

Ucapan

YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN

Menteri Pertahanan Malaysia

**Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Sempena Sambutan Bulan
Kebangsaan Tahun 2023 Peringkat Kementerian Pertahanan**

22 Ogos 2023 (Selasa)

Dataran Wisma Pertahanan

9.00 pagi

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Perpaduan dan
Salam Malaysia MADANI.

YBhg. Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad

Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

YBhg. Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob

Panglima Tentera Laut memangku Panglima Angkatan Tentera

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha dan Wakil-Wakil Panglima
Perkhidmatan

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ATM

Seterusnya warga Kementerian Pertahanan dan ATM yang dikasihi
sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama pagi ini, pada Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang, Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2023, Peringkat Kementerian Pertahanan.
2. Pada tahun ini, '**Tekad Perpaduan Penuhi Harapan**' diangkat sebagai tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Tema ini melambangkan semangat kebersamaan dan cita-cita bersama, dalam membangun negara yang lebih teguh, makmur dan aman.
3. Dalam konteks pertahanan negara, tema ini menekankan prinsip yang amat penting. Perpaduan merupakan salah satu nilai teras pertahanan dan keselamatan negara, yang perlu dipelihara, dikekalkan dan diperkukuhkan, bagi menjamin kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat, aman dan sejahtera.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Komitmen Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam melindungi kedaulatan dan wilayah negara sememangnya tidak boleh disangkal lagi. Namun, usaha ini bukan sahaja bergantung kepada anggota tentera dan pasukan keselamatan semata-mata.
5. Pertahanan adalah tanggungjawab bersama, yang menuntut penglibatan keseluruhan masyarakat. Penglibatan rakyat adalah penting bagi mencapai Pertahanan Komprehensif, dan mendukung iltizam Kertas Putih Pertahanan.

6. Kolaborasi antara rakyat dan ATM mencerminkan pendekatan keseluruhan negara bagi memperkukuh pertahanan negara. Dalam hal ini, tema 'Tekad Perpaduan Penuhi Harapan' memanggil kita semua untuk terus bersatu dalam menghadapi cabaran masa depan.
7. Di Kementerian Pertahanan, kita sentiasa komited untuk memastikan bahawa ATM dilengkapi dengan peralatan dan teknologi terkini, serta diperkasakan melalui latihan yang cekap, agar dapat menghadapi sebarang ancaman dengan berkesan.
8. Namun, saya yakin bahawa kekuatan pertahanan kita, bergantung bukan sahaja pada sumber dan aset-aset sedia ada, tetapi juga kepada kesungguhan dan tekad seluruh warga negara, untuk memastikan Malaysia terus kekal aman dan stabil.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Dalam senario kepelbagaian etnik di Malaysia, kita telah menemui pelbagai kisah kejayaan yang mencerikan. Setiap etnik dan budaya membawa sumbangan yang unik kepada pembangunan negara.
10. Semangat perpaduan kita telah membentuk masyarakat yang inklusif, di mana setiap warganegara Malaysia merasai kepentingan diri masing-masing, dalam membentuk masa depan yang lebih baik.
11. Marilah kita bersyukur dengan tekad perpaduan yang mengukuhkan negara ini. Saya menyeru kepada semua warga awam dan anggota tentera, dari pelbagai lapisan masyarakat, untuk memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

12. Kita tidak seharusnya memandang enteng terhadap keamanan dan kestabilan yang dikecapi kini, kerana Malaysia adalah demokrasi yang masih muda.
13. Kita mesti sentiasa mendengar suara rakyat, serta memberi peluang kepada Kerajaan untuk mentadbir dengan berkesan dan bertanggungjawab. Dan yang paling penting, kita mesti terus menjunjung nilai dan prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
14. Dengan semangat dan kerjasama sedia ada, kita merupakan benteng kukuh yang akan terus memelihara Malaysia daripada sebarang ancaman.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, marilah kita sama-sama mengungkapkan setinggi-tinggi penghargaan, kepada setiap individu yang telah bersama-sama memberikan sumbangan tenaga, dan keringat yang luar biasa, dalam memastikan keamanan negara terus dipertahankan.
16. Kepada keluarga dan insan tersayang di belakang setiap kakitangan, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan dan pengertian yang tidak terhingga.

17. Marilah kita terus merapatkan barisan, sebagai warga Malaysia yang bersatu dalam perpaduan. Sematkan semangat patriotisme untuk mempertingkatkan lagi keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan negara tercinta.
18. Semoga usaha kita akan terus mengukuhkan pertahanan negara, dan meraih harapan yang telah kita impikan.
19. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan
Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2023 Peringkat Kementerian Pertahanan.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.